

Pengesahan status kontraktor bukan jaminan

Empat strategi dikenal pasti dalam usaha elak pembeli rumah menanggung kerugian kerana ditipu

Oleh Suzalina Halid
dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Empat strategi dikenal pasti berupaya menangani kes penipuan oleh sesetengah kontraktor di negara ini, sama ada yang berdaftar atau tidak sehingga menyebabkan mangsa menanggung kerugian, termasuk mencecah ratusan ribu ringgit.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengakui perlindungan untuk pemilik rumah memerlukan lebih daripada sekadar pengesahan status kontraktor; sama ada berdaftar atau tidak dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Sebaliknya, beliau berkata, aspek lain diperlukan adalah tindakan penguatkuasaan, ketelusan maklumat, pendidikan pengguna dan kerjasama antara agensi.

Alexander turut mendedahkan dalam tempoh 2018 hingga 2025, CIDB menerima sebanyak 3,201 aduan berkaitan bina dan ubah suai rumah membabitkan kontraktor; majoriti kes adalah pelanggaran perjanjian kontrak.

“Secara purata CIDB meneri-

ma kira-kira 600 aduan dalam tempoh setahun membabitkan isu terbabit. Pada 2024 sahaja, sebanyak 564 aduan direkodkan, manakala sehingga Oktober lalu, sebanyak 367 aduan diterima.

“Antara aduan terbabit ialah pelanggaran perjanjian kontrak, kualiti pembinaan tidak memuaskan, kontraktor tidak berdaftar, isu keselamatan, tunggakan bayaran dan kegagalan mematuhi standard bahan binaan,” katanya kepada *BH*.

Memperincikan perkara berkecualan, beliau berkata, pecahan kes sehingga Oktober 2025 merangkumi 130 kes pelanggaran kontrak, 86 kes berkaitan kualiti pembinaan dan 50 kes lagi berkaitan kontraktor tidak berdaftar.

“Namun, kita juga mengakui angka diterima CIDB bukan gambaran keseluruhan masalah kerana terdapat kes yang dilaporkan terus kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, polis, wakil rakyat atau hanya didedahkan melalui media sosial,” katanya.

Bagi membantu menangani isu terbabit, katanya, CIDB memperkenalkan program ‘Jom Bina Sempurna’ bagi meningkatkan lite-



CIDB memperkenalkan program ‘Jom Bina Sempurna’ bagi meningkatkan literasi pemilik rumah.

(Foto hiasan)



Keratan
akhbar *BH*,
9 Ogos lalu.

rasi pemilik rumah supaya faham proses bina dan ubah suai, lebih teliti memilih kontraktor, menggunakan kontrak, memantau kerja dan membuat pembayaran berdasarkan kemajuan sebenar projek.

‘Jom Bina Sempurna’ dilancarkan pada 2025 ialah program kesedaran nasional untuk membantu pemilik rumah dan kontraktor memastikan kerja membina atau mengubah suai rumah dilaksanakan dengan betul, selamat, berkualiti dan mengikut proses sepatutnya.

BH pada 9 Ogos lalu melaporkan isu penipuan oleh sesetengah kontraktor di negara ini sebagai tidak berkesudahan kerana ada sahaja kes didedahkan melalui pelbagai saluran, termasuk di media sosial.

Ada kes pemilik rumah bukan sahaja menjadi mangsa penipuan kontraktor tidak berdaftar; malah turut ditipu kontraktor berdaftar sehingga menanggung kerugian ratusan ribu ringgit apa-



bila tidak menerima perkhidmatan berkualiti setimpal bayaran dikeluarkan.

CIDB ada kuasa jelas

Sementara itu, Alexander berkata, bagi kontraktor yang melanggar Akta CIDB atau syarat pendaftaran, agensi di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) itu punya kuasa penguatkuasaan jelas.

“Antaranya melaksanakan siasatan, mengenakan kompaun, mengambil tindakan terhadap pendaftaran, sekatan dalam sistem dan pendakwaan, bergantung kepada jenis kesalahan,” tambahnya.

Bagi kontraktor tidak berdaftar pula, katanya, menjalankan kerja pembinaan tanpa pendaftaran adalah kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 apabila disabitkan mengikut Seksyen 29 Akta CIDB.

“CIDB juga boleh mengeluarkan notis supaya kerja pembinaan dihentikan mengikut Seksyen 30. Namun, perlu jelas apa-

bila sesuatu aduan mempunyai unsur penipuan, pemalsuan atau kesalahan jenayah, ia perlu dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang mempunyai bidang kuasa jenayah,” katanya.

Alexander menambah, cabaran utama bagi mengesan kontraktor tidak berdaftar adalah kerana mereka beroperasi di luar sistem pendaftaran rasmi, sekali gus menyukarkan pemantauan awal dan meningkatkan risiko kepada pemilik rumah.

“Justeru, pemilik kediaman perlu memastikan kontraktor yang dilantik benar-benar berdaftar sebelum kerja dimulakan.

“Masalah menggunakan khidmat kontraktor tidak berdaftar akan mendedahkan pemilik rumah kepada risiko kerja terbengkalai, mutu kerja tidak memuaskan, tiada jaminan kerja, masalah liabiliti dan sukar mendapatkan penyelesaian apabila berlaku pertikaian,” katanya.

Berdasarkan operasi penguatkuasaan dilaksanakan CIDB sebelum ini, jelasnya, antara punca kontraktor tidak berdaftar adalah kerana kurang kesedaran terhadap kewajipan pendaftaran, masalah kewangan dan dokumentasi syarikat serta kebergantungan kepada pendaftaran kontraktor utama atau syarikat lain.